



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 – SESSION 2017/2018  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDPW 3153  
KOD KURSUS

COURSE NAME : AUDIT  
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : 3DDPW  
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
TEMPOH

DATE : APRIL 2018  
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.  
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of 4 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat termasuk kulit hadapan



## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

### PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

#### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

#### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

PART A

TOTAL MARKS [JUMLAH MARKAH]: 40

- Q1. Explain in detail the reasons for the issuance of the THREE (3) types of audit reports, namely, qualified, disclaimer and adverse. [*Terangkan secara terperinci sebab-sebab pengisuan TIGA (3) jenis laporan audit, iaitu laporan bersyarat, laporan penafian dan laporan bertentangan*]. [9M]
- Q2. List and explain briefly explain ALL the important audit procedures and issues related to the completion stage of an audit of financial statements. [*Senarai dan terangkan dengan ringkas SEMUA prosedur audit dan isu-isu penting yang berkaitan dengan peringkat penyempurnaan sesebuah kerja audit penyata kewangan*]. [9M]
- Q3. List and explain FOUR business risks arising from e-commerce activities which have an effect on financial statements. [*Senarai dan terangkan EMPAT risiko perniagaan yang terhasil dari aktiviti-aktiviti e-dagangan yang memberi kesan terhadap penyata-penyata kewangan*]. [8M]
- Q4. Audit procedures are specific acts performed by the auditor to gather evidence to draw conclusions on which to base the audit opinion. List and give an example for each of the audit procedures as suggested in your textbook. [*Prosedur audit adalah tugas-tugas khusus yang dijalankan oleh seseorang juruaudit untuk mengumpul bukti-bukti demi mencapai kesimpulan-kesimpulan yang menjadi asas kepada pendapat audit. Senarai dan berikan sebuah contoh untuk setiap satu prosedur audit seperti yang dicadangkan dalam buku teks anda*]. [9M]
- Q5. An entity's internal control consists of five components. Briefly explain each of the five components. [*Kawalan dalaman sesebuah entity mengandungi lima komponen. Terangkan secara ringkas kelima-lima komponen tersebut*]. [5M]



PART B

TOTAL MARKS [JUMLAH MARKAH]: 20

- Q1. Professional independence is tied to the fundamental principle of objectivity. Explain in detail the concept of independence required in an auditor and its importance to the profession. Provide relevant examples to demonstrate your understanding on the subject matter [Kebebasan profesional dikaitkan dengan prinsip asas keobjektifan. Terangkan secara terperinci konsep kebebasan yang disyaratkan kepada seseorang juruaudit dan jelaskan kepentingannya terhadap kerjaya seseorang juruaudit. Berikan contoh-contoh yang berkaitan untuk menunjukkan kefahaman anda dalam topik yang dibincangkan]. [10M]
- Q2. The International Federation of Accountants ("IFAC") Code identifies FIVE fundamental principles of professional ethics i.e. integrity, objectivity, competence and due care, confidentiality and professional behavior. Write a short essay describing the FIVE principles of professional ethics to demonstrate your understanding on the subject. Your essay should NOT be more than ONE page [Kod Persekutuan Akauntan Antarabangsa ("IFAC") mengenalpasti LIMA prinsip asas etika profesional iaitu integriti, objektiviti, kewibawaan dan kewajaran, kerahsiaan serta kelakuan profesional. Tulis sebuah karangan pendek yang menerangkan LIMA prinsip etika profesional tersebut untuk mempamerkan tahap pemahaman anda dalam perkara ini. Karangan anda hendaklah TIDAK melebihi dari SATU mukasurat]. [10M]

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*